# Mengurus Risiko Kepada Kestabilan Kewangan

## SOROTAN PENTING

- **Sektor perniagaan dan isi rumah terus menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang kukuh.**
- **Kestabilan kewangan domestik dijangka terpelihara, disokong oleh institusi kewangan yang teguh serta keadaan pasaran dan mudah tunai yang teratur.**

### Kestabilan kewangan mampan, disokong oleh pengantaraan kewangan dan keadaan pasaran domestik yang teratur

Aktiviti pengantaraan kredit terus menyokong aktiviti ekonomi benar. Risiko kredit terus stabil, disokong oleh keupayaan isi rumah dan sektor perniagaan yang kukuh untuk membayar balik hutang. Pasaran kewangan domestik terus berada dalam keadaan teratur meskipun keadaan turun naik yang meningkat yang didorong oleh perkembangan luar negeri. Institusi kewangan dalam negeri menunjukkan daya tahan dengan kualiti aset yang kukuh, tahap keberuntungan yang teguh dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Ini terus menyokong kestabilan kewangan secara keseluruhan.

### Sektor isi rumah dan perniagaan terus berupaya membayar balik hutang

Hutang isi rumah[9] meningkat pada kadar tahunan 5.2% pada suku pertama 2018 (2017: 4.9%). Daripada jumlah ini, pinjaman oleh sistem perbankan[10] kepada isi rumah mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada 5.4% (S4 2017: 4.9%) manakala pertumbuhan pinjaman yang diberikan oleh institusi kewangan pembangunan dan institusi kewangan bukan bank (non-bank financial institutions, NBFI) menjadi sederhana kepada 4.3% (S4 2017: 5.1%).

**Pengembangan aset kewangan isi rumah terus mengatasi hutang**

Rajah 28: Hutang dan Aset Kewangan Sektor Isi Rumah




Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengiraan dalaman

[9] Pinjaman diberikan oleh bank (termasuk MBSB Bank), institusi kewangan pembangunan dan NBFI utama.
[10] Termasuk MBSB Bank.

**Jumlah peminjaman perniagaan didorong oleh terbitan korporat yang stabil dalam pasaran modal**

Rajah 29: Hutang Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK




Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan keseluruhan hutang isi rumah berpunca daripada pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman (sumbangan kepada pertumbuhan pada S1 2018: 4.4 mata peratusan; 2017: 4.3 mata peratusan), terutamanya untuk rumah berharga antara RM500,000 dan RM750,000. Kenaikan ini turut disokong oleh pinjaman untuk pembelian sekuriti (sumbangan kepada pertumbuhan pada S1 2018: 0.3 mata peratusan; 2017: 0.1 mata peratusan), dalam unit amanah serta ekuiti.

Keupayaan keseluruhan isi rumah untuk membayar balik hutang dijangka kekal kukuh, disokong oleh pertumbuhan gaji yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Aset kewangan isi rumah agregat dan aset kewangan mudah tunai kekal mencukupi, masing-masing pada 2.1 dan 1.5 kali hutang. Selain itu, pertumbuhan aset kewangan isi rumah (7.2%) terus mengatasi hutang (5.2%) untuk suku tahun kelima berturut-turut. Pada akhir suku pertama 2018, jumlah hutang isi rumah mencakupi 84% (S4 2017: 84.2%) daripada KDNK. Tidak termasuk pinjaman oleh bukan bank, jumlah pinjaman sistem perbankan kepada isi rumah sebagai peratusan daripada KDNK adalah 69.2% (S4 2017: 69.3%).

Kualiti aset keseluruhan bank dan bukan bank kekal teguh. Nisbah terjejas agregat untuk pinjaman kepada isi rumah stabil pada 1.6%, manakala agregat nisbah delinkuensi bertambah baik pada 1.2% (S4 2017: 1.4%). Penilaian kemampuan pinjaman oleh pemberi pinjaman yang diperkukuh terus menyumbang kepada penurunan risiko ketidakseimbangan kewangan berpunca daripada sektor isi rumah. Majoriti peminjam isi rumah baharu mempunyai nisbah khidmat hutang (debt service ratios, DSR) yang berhemat dan sebahagian besarnya mempunyai DSR yang lebih rendah daripada 60%. Peratusan jumlah peminjaman oleh peminjam yang mudah terjejas (mereka yang meraih pendapatan bulanan kurang daripada RM3,000) makin menyusut dan mencakupi 19.9% daripada jumlah hutang isi rumah menjelang akhir tahun 2017 (2016: 21.9%). Di bawah senario yang disimulasi berdasarkan andaian kebarangkalian mungkir yang digandakan sebanyak tiga kali dan kerugian akibat mungkir yang teruk, potensi kerugian kepada bank daripada kumpulan isi rumah yang mudah terjejas dianggarkan kurang daripada 10% daripada lebihan penampan modal bank (melebihi jumlah pengawalseliaan minimum).

Jumlah peminjaman oleh sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 5.1% pada suku pertama 2018 (S4 2017: 3.2%). Ini didorong oleh perolehan dana yang bertambah dalam pasaran modal yang meningkat sebanyak 15.3% (S4 2017: 14.3%), dipacu oleh syarikat bukan kewangan dalam sektor infrastruktur, utiliti dan harta tanah. Peminjaman luar negeri korporat adalah lebih tinggi kerana nilai peminjaman baharu mengimbangi kesan penilaian kadar pertukaran yang positif. Peminjaman baharu terutamanya mencakupi peminjaman oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan minyak dan gas (oil and gas, O&G). Pembiayaan oleh bank dan institusi kewangan pembangunan kepada perniagaan terus mampan pada 1.3% (S4 2017: 1.3%). Daripada jumlah ini, pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berkembang sebanyak 5.1% pada suku pertama (S4 2017: 5.3%).

Kedudukan kewangan syarikat kekal kukuh susulan permintaan dalam dan luar negeri yang bertambah baik. Hutang syarikat bukan kewangan (non-financial corporations, NFC)[11] purata seperti yang diukur oleh median nisbah hutang kepada ekuiti menurun pada S4 2017 (47%; S3 2017: 51.9%). Hal ini berpunca daripada paras hutang yang lebih rendah dalam kalangan syarikat dalam sektor telekomunikasi, pengangkutan dan berkaitan pembinaan.

Secara agregat, keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai kekal kukuh. Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) kekal pada 9.6 kali pada S4 2017 (S3 2017: 9.6 kali), nyata melebihi tahap berhemat sebanyak dua kali. Median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek semasa (cash-to-short-term debt ratio, CASTD) juga melebihi tahap berhemat sebanyak satu kali, pada 1.5 kali pada S4 2017 (S3 2017: 1.6 kali). Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman delinkuen pada S1 2018 terus rendah, masing-masing pada 2.6% dan 0.3% daripada jumlah peminjaman bank kepada perniagaan (S4 2017: masing-masing 2.5% dan 0.3%).

Nisbah pinjaman terjejas dalam sektor minyak dan gas (O&G) meningkat kepada 8.7% (S4 2017: 5.5%), pada suku pertama tahun 2018. Pinjaman terjejas yang lebih tinggi ini didorong oleh syarikat bukan PKS dalam segmen perkapalan dan fabrikasi. Risiko kepada sistem perbankan berikutan dedahan kepada sektor berkaitan O&G kekal kecil (6% daripada jumlah dedahan domestik kepada

[11] Berdasarkan 120 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 85% (tidak termasuk institusi kewangan).
[12] Berdasarkan 94 pemaju harta tanah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

**Aktiviti pasaran perumahan meningkat pada S4 2017**

Rajah 30: Jumlah dan Nilai Transaksi Harta Kediaman




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

**Kadar sewa kompleks membeli-belah meningkat pada S4 2017**

Rajah 31: Kadar Kekosongan dan Kadar Sewa Ruang Pejabat dan Kompleks Membeli-belah




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Knight Frank, Jones Lang Wootton dan pengiraan dalaman

perniagaan), dan bank telah membuat peruntukan penuh untuk jangkaan kerugian kredit. Jangkaan perbelanjaan modal lebih tinggi oleh syarikat minyak utama pada tahun ini dalam keadaan trend harga minyak yang meningkat dijangka memberi kesan yang positif kepada perolehan penyedia perkhidmatan dalam sektor ini pada masa hadapan.

Kenaikan yang kecil dalam aktiviti pasaran perumahan masih belum membawa kesan kepada peningkatan keupayaan pembayaran balik hutang dalam sektor harta tanah. Nisbah pinjaman terjejas meningkat sedikit kepada 1.9% daripada jumlah peminjaman bank kepada perniagaan dalam sektor harta tanah (S4 2017: 1.7%), yang sebahagian besarnya didorong oleh PKS dalam segmen perkhidmatan harta tanah. Median ICR dan median CASTD pemaju harta tanah[12] adalah stabil, masing-masing pada 5.7 kali dan 0.9 kali (S3 2017: masing-masing 5.8 kali dan 0.8 kali). Risiko kepada kestabilan kewangan domestik yang timbul daripada dedahan kepada pemaju harta tanah kekal minimum. Berdasarkan analisis kepekaan yang dijalankan terhadap dedahan kredit keseluruhan bank (termasuk pelaburan dalam bon dan sukuk) kepada pasaran harta tanah dan sektor yang berkaitan, bank mempunyai penampan yang cukup untuk menyerap jangkaan kerugian terkumpul (sila rujuk kepada Bab 1 Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017).

## Peningkatan sederhana dalam aktiviti pasaran perumahan

Dalam pasaran perumahan, jumlah dan nilai urus niaga perumahan masing-masing meningkat sebanyak 1.6% dan 9.7% pada S4 2017 (S3 2017: masing-masing -4.2% dan 8.7%). Perkembangan yang lebih baik ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh urus niaga pembelian rumah berharga antara RM500,000 dan RM1 juta. Harga rumah (seperti yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia) meningkat sebanyak 6.5% pada S3 2017 (S2 2017: 6.8%; S4 2017 awalan: 5.8%). Trend peningkatan yang serupa dicatat merentas hampir semua jenis rumah dan negeri.

Bank terus menyediakan pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman kepada peminjam yang layak, termasuk pembeli rumah kali pertama. Pada suku pertama 2018, pinjaman terkumpul yang diberikan oleh bank untuk pembiayaan rumah tidak berubah pada 8.9% pada asas tahunan (S4 2017: 8.9%). Kadar kelulusan pinjaman

[12] Berdasarkan 94 pemaju harta tanah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

perumahan untuk pembelian rumah berharga kurang daripada RM500,000 ialah 71.5%, dan kebanyakan negeri utama mencatat kadar kelulusan pinjaman perumahan melebihi 70%.

Permintaan terhadap pembiayaan bagi pembelian rumah bersifat spekulasi kekal rendah. Pada suku tersebut, bahagian jumlah pinjaman perumahan yang dijelaskan dalam tempoh tiga tahun (tempoh lazim yang diperlukan untuk pembinaan selesai selepas harta tanah diperolehi) ialah 7.5% daripada jumlah pinjaman perumahan yang diselesaikan (S4 2017: 7.9%). Pertumbuhan tahunan jumlah peminjam yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul (proksi untuk pembeli spekulatif) kekal rendah pada 0.8% (S4 2017: 0.9%). Kualiti kredit bagi pinjaman perumahan secara keseluruhan terus kukuh, dan nisbah pinjaman terjejas dan delinkuensi terus rendah pada 1.1% daripada jumlah pinjaman bank (S4 2017: masing-masing 1% dan 1.3%).

Situasi lebihan bekalan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah masih berterusan meskipun kadar sewa meningkat sedikit untuk kompleks membeli-belah tertentu di lokasi terpilih. Risiko langsung kepada bank akibat dedahan pembiayaan akhir kepada segmen ruang pejabat dan kompleks membeli-belah kekal kecil pada 3.1% daripada jumlah pinjaman bank. Bank-bank tetap meneruskan amalan pemberian pinjaman dan penilaian yang mantap meskipun lebihan bekalan dalam segmen ini adalah nyata. Bank-bank kekal berhati-hati dalam memberi pinjaman kepada segmen ini. Ini dilihat dalam kadar kelulusan pinjaman yang lebih rendah untuk pembinaan dan pembelian harta tanah sedemikian (S1 2018: masing-masing 62% dan 71.3%; S4 2017: masing-masing 66.9% dan 74.7%). Nisbah delinkuensi dan pinjaman terjejas bagi segmen harta tanah bukan kediaman kekal rendah masing-masing pada 0.6% dan 1.3% (S4 2017: masing-masing 0.7% dan 1.2%).

## Keadaan pasaran kewangan domestik teratur meskipun dalam keadaan turun naik yang meningkat

Sentimen pelabur dipengaruhi oleh perkembangan yang berlaku di luar negara. Ini termasuk pembetulan dalam pasaran ekuiti global pada awal bulan Februari, kenaikan kadar faedah oleh Federal Reserve pada bulan Mac dan kebimbangan yang meruncing tentang pertikaian dagangan antara AS dan RR China. Dalam keadaan ketidakpastian yang berterusan, turun naik keseluruhan dalam pasaran kewangan domestik meningkat. Purata turun naik 90-hari FBM KLCI dan ringgit meningkat masing-

### Pelaburan pemastautin di luar negeri menyumbang kepada aliran keluar portfolio bersih

Rajah 32: Aliran Portfolio Bersih dan Kasar dan Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit Pasaran Kewangan




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Mudai tunai sistem perbankan mencukupi untuk menampung kejutan mudah tunai yang teruk**

Rajah 33: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III Sistem Perbankan




Sumber: Bank Negara Malaysia

purata turun naik 90-hari kadar hasil MGS 10 tahun menyusut kepada 7.3% (S4 2017: 9.9%).

Pada suku pertama 2018, pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM2.6 bilion (S4 2017: aliran masuk bersih sebanyak RM11.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh peningkatan semula pemerolehan bersih aset kewangan asing oleh pengurus dana dan bank pemastautin. Walau bagaimanapun, hal ini diimbangi sebahagiannya oleh pelaburan bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti dan bon kerajaan. Pemegangan bon kerajaan dalam kalangan pelabur bukan pemastautin menurun sedikit kepada 27.4% (S4 2017: 27.7%) daripada jumlah bon kerajaan Malaysia terkumpul. Komposisi pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan secara amnya tidak berubah, dengan sebahagian besar pemegangan terdiri daripada pelabur jangka panjang seperti bank pusat, kerajaan, dana pencen dan syarikat insurans (52% daripada jumlah pemegangan bukan pemastautin). Selain itu, pemegangan bukan pemastautin sebahagian besarnya tertumpu pada bon jangka sederhana dan jangka lebih panjang melebihi 3 tahun (68%).

Bahagian penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran ekuiti domestik meningkat kepada 24.2% daripada jumlah permodalan pasaran ekuiti (S4 2017: 23.2%). FBM KLCI mengakhiri suku pertama pada 1,863.46 mata (S4 2017: 1,796.81 mata), dan mencatat paras tertinggi 1,876.87 mata pada 22 Mac 2018 namun selepas itu mencatat angka lebih rendah berikutan pengumuman tarif yang lebih tinggi oleh AS terhadap import dari RR China. Nisbah harga kepada perolehan (price-to-earnings, PE) bagi FBM KLCI ialah 17.6 kali (S4 2017: 16.2 kali; purata 2010-2017: 16.8 kali).

Mudah tunai pasaran kekal mencukupi. Purata spread bida-tawar MGS dan FBM KLCI tidak berubah, masing-masing pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan (S4 2017: masing-masing 0.1% dan 0.4%). Purata harian spread bida-tawar USD/MYR adalah 26.1 pip (S4 2017: 24.3 pip). Mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing bertambah baik, apabila jumlah urus niaga untuk semua pasangan mata wang meningkat kepada purata harian sebanyak USD11.2 bilion (S4 2017: USD9.9 bilion).

Ringgit terus menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.2% untuk mengakhiri suku pertama pada RM3.8620 bagi setiap dolar AS (S4 2017: RM4.0620). Trend yang sama juga dilihat apabila berbanding dengan kebanyakan mata wang utama lain. Walau bagaimanapun, spread mudah tunai AS dalam negeri untuk jangka panjang, seperti yang dicerminkan oleh spread swap asas mata wang

bersilang 5 tahun, melebar kepada 40 mata asas (S4 2017: 25 mata asas) berikutan perkembangan luar negara yang menjejaskan sentiman pasaran. Spread swap kemungkiran kredit kerajaan 5 tahun meningkat kepada 73.1 mata asas, meskipun kekal lebih rendah berbanding dengan angka tertinggi yang dicatat pada tahun 2017 iaitu 139.6 mata (S4 2017: 58.4 mata).

## Dedahan risiko pasaran sebahagian besarnya ditangani melalui strategi pengurusan risiko

Dedahan risiko pasaran agregat bank-bank terus stabil. Risiko pertukaran asing (foreign exchange, FX), seperti yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi mata wang asing, menurun kepada 5.3% daripada jumlah modal (S4 2017: 6.1%). Risiko kadar faedah dalam akaun perdagangan dan risiko ekuiti kekal rendah masing-masing pada 1.1% dan 0.8% daripada jumlah modal (S4 2017: masing-masing 1% dan 1.9%). Risiko kadar faedah dalam buku perbankan turut menurun kepada 3.3% (S4 2017: 3.7%) daripada jumlah modal.

Bagi industri insurans dan takaful, dedahan risiko pasaran adalah sebanyak 14.9% (S4 2017: 15.4%) daripada jumlah modal yang tersedia. Risiko ekuiti, yang membentuk sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran bagi syarikat insurans, menyusut sedikit kepada 9% (S4 2017: 9.1%) daripada jumlah modal tersedia.

## Keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi terus menyokong aktiviti pengantaraan

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia berjumlah RM198.5 bilion pada akhir suku pertama 2018 (S4 2017: 188.7 bilion) dalam bentuk simpanan, repo berbalik dan rizab berkanun. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[13] untuk sistem perbankan ialah 141% pada akhir bulan Mac 2018 (S4 2017: 135%). Semua bank mencatat tahap LCR yang jauh melebihi tahap pengawalselian minimum semasa sebanyak 90%.

[13] LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100%, berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2018, keperluan minimum telah ditetapkan pada 90%.

### Kualiti aset sistem perbankan kukuh

Rajah 34: Kualiti Aset Sistem Perbankan




Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pendanaan domestik kekal stabil pada suku pertama. Kos deposit[14] purata bank dan KLIBOR 3 bulan meningkat masing-masing sebanyak 2.54% dan 3.69% pada akhir suku pertama 2018 (S4 2017: masing-masing 2.51% dan 3.43%) berikutan kenaikan kadar dasar semalaman (overnight policy rate, OPR) sebanyak 25 mata asas. Pendanaan bank sebahagian besarnya tetap terdiri daripada deposit (70.1% daripada jumlah pendanaan) dan berada dalam mata wang tempatan. Secara agregat, deposit bank termasuk akaun pelaburan Islam mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.2% (S4 2017: 4%), disokong oleh pertumbuhan deposit sektor perniagaan (S1 2018: 11.3%, S4 2017: 7.1%). Bank-bank mengekalkan struktur pendanaan yang pelbagai melalui penggunaan instrumen pendanaan denominasi ringgit dan mata wang asing jangka sederhana. Nisbah pinjaman kepada dana[15] (loan-to-funds, LTF), yang mengambil kira struktur pendanaan bank-bank Malaysia yang lebih luas ialah 82.4% (S4 2017: 84%).

## Institusi kewangan mencatat tahap permodalan yang kukuh dan keberuntungan yang mampan

Tahap permodalan institusi kewangan Malaysia kekal kukuh. Dalam sistem perbankan, nisbah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal melepasi tahap keperluan pengawalseliaan minimum masing-masing sebanyak 13.2%, 14% dan 17.5% (S4 2017: masing-masing 13.5%, 14.5% dan 17.3%). Begitu juga, sektor insurans dan takaful melaporkan nisbah kecukupan modal agregat pada 237.3% (S4 2017: 233.8%), melebihi paras keperluan minimum sebanyak 130%.

Di peringkat sistem perbankan, kualiti aset kekal kukuh. Nisbah pinjaman terjejas kasar keseluruhan berjumlah 1.57% (S4 2017: 1.54%). Berikutan penerimaan pakai MFRS 9[16] pada bulan Januari 2018, paras peruntukan bank meningkat kepada RM23.7 bilion (S4 2017: RM20.1 bilion). Peningkatan ini memang dijangkakan kerana kaedah peruntukan jejas nilai telah ditambah baik di bawah piawaian yang baharu ini. Kesannya, nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab berkanun) adalah lebih tinggi pada 126.9% (S4 2017: 114.7%).

[14] Kos deposit purata dikira berdasarkan purata 12 bulan bergerak perbelanjaan faedah bagi deposit terkumpul dibahagi jumlah deposit terkumpul.
[15] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang yang diterbitkan (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/ sukuk, kertas komersial dan nota berstruktur).
[16] Standard Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan.

Pendapatan faedah bersih daripada aktiviti pemberian pinjaman / pembiayaan terus mampan sementara pendapatan lebih tinggi dicatat oleh aktiviti perbendaharaan. Ini diimbangi oleh pendapatan yang berkurangan daripada sumber-sumber tidak berulang (contohnya dividen dan penjualan aset bukan semasa). Begitu juga, keuntungan sebelum cukai sistem perbankan menurun kepada RM9 bilion (S4 2017: RM10 bilion) pada suku pertama 2018. Margin pembiayaan (termasuk faedah) bersih bank selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian meningkat kepada 0.81 mata peratusan (purata S4 2017: 0.71 mata peratusan), disebabkan terutamanya kutipan semula yang lebih tinggi daripada pinjaman terjejas.

Dalam sektor insurans dan takaful, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga mencatat lebihan pendapatan yang lebih rendah berbanding dengan perbelanjaan sebanyak RM4.0 bilion (S4 2017: RM 4.9 bilion). Ini sebahagiannya disebabkan oleh kerugian modal bersih daripada penilaian yang lebih rendah untuk sekuriti hutang yang dipegang. Keuntungan operasi penanggung insurans am dan pengendali takaful juga merosot kepada RM563.3 juta pada suku pertama (S4 2017: RM783.4 juta) didorong oleh kos tuntutan yang lebih tinggi dalam perniagaan motor. Nisbah tuntutan industri keseluruhan meningkat kepada 56.9% (S4 2017: 54.9%).

## imSME, platform rujukan SME dalam talian, mengurangkan kos carian untuk perniagaan

Platform imSME yang dilancarkan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) pada 9 Februari 2018 menemukan PKS dengan produk pembiayaan yang sesuai mengikut profil perniagaan, kedudukan kredit dan keperluan pembiayaan mereka. Pada masa ini imSME menawarkan 28 produk pembiayaan dari 15 institusi, termasuk produk konvensional dan Islam. Pada 3 April 2018, RM2.4 juta pembiayaan kepada PKS telah diluluskan hasil daripada padanan melalui platform ini yang berjaya.

Penggunaan platform imSME berkesan dalam mengurangkan kos carian untuk perniagaan yang ingin mendapatkan pembiayaan. PKS yang sebelum ini perlu berkunjung ke beberapa bank untuk mencari pembiayaan, berjaya mengurangkan tempoh perjalanan dan masa menunggu sehingga 3 jam[17] bagi setiap institusi kewangan. Di samping itu, PKS dapat menjimatkan masa sehingga 10 hari dalam menyediakan dokumentasi pinjaman, lantas melapangkan masa untuk mereka memberi tumpuan pada operasi perniagaan teras mereka.

Pasukan Penasihat Kewangan yang berdedikasi juga ditubuhkan oleh CGC untuk menjalankan diagnostik dan menyediakan bantuan berstruktur kepada pemohon yang tidak dapat dipadankan dan ditolak, sekali gus memberi manfaat kepada 350 PKS setakat ini. Kebanyakan PKS yang tidak dapat dipadankan atau ditolak didapati telah memberikan maklumat kewangan yang tidak tepat, yang akhirnya menjejaskan peluang mereka untuk mendapatkan pembiayaan. Pasukan Penasihat Kewangan menyediakan pelbagai bentuk khidmat nasihat yang disasarkan bagi menangani cabaran khusus yang dihadapi oleh PKS, termasuk:

- Memberi nasihat dan bimbingan mengenai penyediaan maklumat yang betul untuk mengemukakan semula permohonan pembiayaan;
- Memberi nasihat tentang jumlah dan tempoh pembiayaan yang lebih sesuai dengan kemampuan untuk bayar balik;
- Rujukan kepada agensi pembangunan bina upaya seperti Pusat Pembangunan dan Penyelidikan (Centre for Development and Research, CEDAR) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) untuk bantuan dari segi pengurusan kewangan dan perancangan perniagaan bagi meningkatkan kelayakan untuk pembiayaan; dan
- Maklumat mengenai saluran pembiayaan alternatif, termasuk platform pembiayaan “peer-to-peer” (P2P) untuk PKS yang tidak mempunyai rekod prestasi kewangan.

Platform imSME boleh diakses di https://imsme.com.my

[17] Berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh CGC mengenai pemohon imSME yang berjaya, bagi menentukan impak imSME terhadap perniagaan yang memohon pembiayaan.